

Fikir dulu sebelum buang

BARU-BARU ini, Datuk Bandar Kuala Lumpur bercadang menguatkuasakan larangan terhadap projek pembinaan bangunan yang membelakangkan sungai di sekitar ibu negara bagi mengelak pencemaran.

Walaupun ada yang menyifatkan cadangan itu remeh, hakikatnya ia dibuat ekoran sikap segelintir warga kota terutama pemilik premis yang menjadikan sungai sebagai tempat untuk membuang sampah jenis sampah.

Sekurang-kurangnya, larangan itu dapat mengelak daripada perbuatan melempar sampah ke dalam sungai yang seakan-akan sudah menjadi amalan sesetengah pihak terutama yang tinggal atau berniaga berhampiran sungai di ibu negara.

Individu sedemikian tidak memikirkan natijah perbuatan tersebut. Bagi mereka, sampah yang dibuang ke dalam sungai sangat kecil jumlahnya dan tidak menjejaskan dunia ini. Jadi, apa yang mahu dikisahkan, soal mereka.

Bagaimanapun, mereka tidak sedar bahawa masalah sampah dan pencemaran di sungai-sungai sekitar ibu kota dan Selangor semakin serius.

Sebuah syarikat yang diberi tanggungjawab membersihkan kawasan Sungai Klang sepanjang 56 kilometer baru-baru ini dilaporkan mengutip kira-kira 50 tan sampah terapung di sungai itu setiap hari.

Sampah yang paling banyak ditemui ialah bekas polistirena, bahan plastik, getah, kertas, kayu, papan, kain, kaca, kepingan logam ringan dan bahan pembinaan.

Persoalannya, kalau setiap hari sebanyak 50 tan sampah tera-



KATA DI KOTA

Haradian Shah Hamdan

kota@utusanangroup.com.my

pung berjaya dibersihkan, berapa agaknya jumlah sebenar sampah yang berada di dalam sungai tersebut?

Tidak sukar mencari punca kehadiran sampah yang begitu banyak kerana Sungai Klang merentasi beberapa buah kawasan iaitu Klang sepanjang 21 kilometer (km), Shah Alam (20km), Petaling Jaya (6km) dan Subang Jaya (9km).

Sudah tentu masalah itu berlaku disebabkan sikap memandang mudah tabiat membuang sampah termasuk dalam kalangan pengusaha industri yang menjadikan sungai sebagai tempat 'pelupusan' sisa pepejal.

Amat menghairankan apabila ada individu yang menitikberatkan kebersihan kereta dan rumah, namun dengan selamba mengotor dan mencemarkan alam sekitar tanpa memikirkan kesan jangka panjang ekoran perbuatan tersebut.

Hujah mereka mudah, bahan buangan dan pencemaran yang dilakukan akan hanyut, tenggelam di dalam sungai dan lupus ditelan masa.

Sudah tentu tanggapan sedemikian tidak berasas kerana terdapat bahan seperti plastik yang mengambil masa lama untuk lupus. Ini kemudian membentuk timbunan bahan buangan yang sukar dibersihkan dan kemudian menjejaskan kebersihan sungai.

Satu kajian yang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia

(UPM) sebelum ini mendapati, kebanyakan sungai di Selangor tercemar sekali gus mengancam sumber utama air mentah untuk penduduk di Lembah Klang jika dibiarkan tanpa sebarang usaha mengawalinya.

Sebagai contoh, Sungai Langat sepanjang 149.3 km hanya mempunyai bahagian air bersih sepanjang 49.3km dan selebihnya 100km sudah tercemar.

Keadan meruncing itu disebabkan terlalu banyak pembangunan yang memberi impak negatif terhadap kualiti air akibat air cucian, sisa domestik dan sampah yang masuk ke dalam sungai.

Situasi ini amat membimbangkan kerana sungai mempunyai peranan amat penting dalam menyalurkan bekalan air mentah untuk diproses bagi kegunaan penduduk dan kegunaan industri.

Kegagalan memastikan kebersihan sungai telah beberapa kali menyebabkan penduduk di Lembah Klang terputus bekalan air ekoran loji rawatan air ditutup sementara waktu disebabkan pencemaran.

Akibatnya, jutaan pengguna tidak mendapat bekalan air seperti biasa dan kilang-kilang terpaksa menghentikan operasi dan menanggung kerugian.

Ramai yang 'derita' kerana terpaksa berbaris menunggu air dibekalkan oleh pihak berkuasa dan mengangkut bertong-tong air setiap hari untuk kegunaan keluarga.

Ketika itu kebanyakan warga kota terseksa kerana tidak dapat mandi dan ada yang marah-marah, termasuklah mereka yang sebelum ini membuang sampah dan mencemarkan sumber air yang amat berharga itu.